

"Pemikiran penulis terakam secara tersurat dan tersirat untuk memperkasa dan memartabatkan budaya ilmu di kampus universiti."

**Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pengajian Tinggi

# Menghayati Budaya Ilmu

Faham Ilmu, Amalan dan Panduan  
Edisi Ke-2



Zaini Ujang



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
VAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



## **PROF. DATO' IR. DR. ZAINI UJANG**

merupakan Naib Canselor UTM kelima sejak Oktober 2008 dan penerima Anugerah Merdeka bagi kategori Pencapaian Ulung Akademik pada tahun 2009.

Sumbangan akademik beliau menjurus kepada pengurusan dan teknologi alam sekitar, terutamanya rawatan air dan air sisa, strategi pelestarian sumber dan ekologi industri.

Selain dunia akademia, beliau juga menganggotai pelbagai agensi awam, misalnya Pengerusi Majlis Kualiti Alam Sekitar Malaysia (sejak tahun 2009) dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (2007-2011). Beliau turut aktif dalam pertubuhan sukarela: Naib Presiden Persatuan Air Antarabangsa (2004-06), editor jurnal antarabangsa *Water Science & Technology* (sejak tahun 2000) dan Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia (2009-11).

Berkelulusan B.Eng. (UTM) dalam bidang Kejuruteraan Kimia, MSc dan PhD dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar (Newcastle, UK) dan mengikut *Advanced Management Program* (AMP), Harvard Business School, Boston USA. Beliau adalah Felo Akademi Sains Malaysia dan *Institute of Chemical Engineering* (UK); berdaftar sebagai jurutera Profesional (Malaysia), *Chartered Engineer* (UK), *Chartered Scientist* (UK), *Chartered Water and Environmental Manager* (UK).

Dilahirkan di Kampung Inas, Johol, Negeri Sembilan pada tahun 1965.

# Menghayati Budaya Ilmu

Fahaman Ilmu, Amalan dan Panduan



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

---


## Senarai Karya Zaini Ujang

---

- Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*. Edisi Pertama. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Memperkasa Budaya Ilmu: Konsep dan Amalan*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Mewarisi Perjuangan Menjayakan Transformasi Memacu Kegemilangan* (Siri Perutusan Naib Canselor). Skudai: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Membrane Technology for Water and Wastewater Treatment* (A Training Module). Skudai: Penerbit UTM Press.
- Zaini Ujang dan Henze, M. (ed.). 2007. *Environmental Biotechnology: Advancement in Water and Wastewater Applications in the Tropics*. London: IWA Publishing.
- Zaini Ujang. 2007. *Pengurusan Masa: Konsep dan Penghayatan*. Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Zaini Ujang dan Henze, M. 2006. *Wastewater Management for Developing Countries*. London: IWA Publishing.
- Zaini Ujang. 2004. *Hazardous Waste Management in Malaysia*. UNESCO, Paris (UNESCO Encyclopedia of Life Support System for Hazardous Waste Management in Developing Countries).
- Zaini Ujang. 1999. *Pencemaran Udara*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Ujang. 1997. *Pencemaran Udara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Ujang. 1996. *Universiti: Mengangkat Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Zaini Ujang. 1995. *Motivasi dan Kaedah Membaca*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zaini Ujang (ed.). 1993. *Islam dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Zaini Ujang. 1993. *Motivasi dan Kaedah Membaca*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zaini Ujang. 1993. *Pencemaran Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Baharuddin, A. Masrom, Zaini Ujang dan Fatini Yaacob. 1992. *Fenomen Remaja*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Normah Mulop dan Zaini Ujang. 1991. *Bahan Api & Teknologi Pembakaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



**PROFESOR DATO' IR. DR. ZAINI BIN UJANG FASc**  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia




TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# Menghayati Budaya Ilmu

Faham Ilmu, Amalan dan Panduan

Zaini Ujang



[www.penerbit.utm.my](http://www.penerbit.utm.my)

2009

PUSTAKA PERDANA



1009551



© ZAINI UJANG 2009  
 Edisi Pertama 2009  
 Edisi Kedua 2009  
 Cetakan Kedua 2010  
 Cetakan Ketiga 2011

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zaini Ujang, Dato' 1965-

Menghayati budaya ilmu : faham ilmu, amalan dan panduan / oleh: Zaini Ujang.

ISBN 978-983-52-0705-1

1. Universiti Teknologi Malaysia. 2. Technical education--Malaysia.  
 3. Education, Higher--Malaysia. 4. Universities and colleges--Malaysia.

I. Judul.

378.595

Editor: KHALID MAZLAN & KASSIM THUKIMAN  
 Pereka Kulit: MOHD ASMAWIDIN BIDIN

Diatur huruf oleh / *Typeset by*  
 PANTAS SET. SDN. BHD.,  
 26A, Jalan Pandan 2/1,  
 Pandan Jaya, Cheras,  
 55100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

34 - 38, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti,  
 81300 Skudai,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM ahli MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM) dan  
 anggota PERSATUAN PENERBIT PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA)  
 dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.,  
 No. 25, Jalan Balakong Jaya 1,  
 Taman Industri Balakong Jaya,  
 43300 Balakong,  
 Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.


378.595  
 ZAI



# Kandungan



<i>Kandungan</i> .....	vii
<i>Prakata</i> .....	ix
<i>Kata Pengantar Menteri Pengajian Tinggi</i> .....	xiii
<i>Kata Pengantar Timbalan Menteri Pengajian Tinggi</i> ....	xvii
1. Pendahuluan .....	1
2. Konsep Ilmu .....	11
3. Mengenal Universiti .....	29
4. Budaya Ilmu .....	81
5. Mahasiswa Cemerlang .....	105
6. Hari Konvokesyen .....	139
Bibliografi .....	145
Indeks .....	151





## *Dedikasi*

*Para mahasiswa diseru dengan harapan menjadikan  
universiti sebagai pelabuhan ilmu untuk  
memulakan pelayaran ilmu menjadi  
pencinta ilmu dalam dunia ilmu.*




# Prakata



Buku ini ditujukan khusus kepada semua mahasiswa di pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa. Judul buku ini ialah '*Menghayati Budaya Ilmu*' sebagai salah satu tema utama memajukan universiti sebagai wadah ilmu dan pencetus idealisme ilmiah.

Budaya ilmu merupakan salah satu nilai aspirasi dalam konsep 1Malaysia sebagaimana yang dikemukakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia, selain budaya inovasi, budaya berprestasi tinggi, budaya ketepatan, integriti, ketabahan, kesetiaan, dan kebijaksanaan. Kepentingan budaya ilmu bukan sahaja sebagai prasyarat kejayaan individu, bahkan penting dalam pembangunan sesebuah negara.

Konsep dan frasa 'budaya ilmu' mula diperkenalkan oleh Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud (1988) menerusi risalah berjudul *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Perlaksanaan* di Malaysia. Menurut tafsiran beliau, budaya ilmu ialah kewujudan suatu keadaan setiap lapisan masyarakat melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan-kegiatan keilmuan pada setiap kesempatan; dan keadaan di mana segala tindakan manusia baik pada tahap individu atau masyarakat, ditentukan dan diputuskan ser



dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan. Konsep ini terus dikembang dan dibahas secara lebih terperinci dalam penulisan beliau kemudiannya.

Justeru, buku ini diterbitkan bukan bertujuan untuk memberi definisi dan dimensi baru tentang budaya ilmu. Sebaliknya, tujuan penulis ialah mengumpulkan semula pandangan dan dimensi berkaitan konsep, nilai dan amalan ilmu dalam konteks untuk memperkasakan budaya ilmu di universiti. Secara lebih spesifik, buku ini diharap dapat dijadikan panduan oleh seluruh mahasiswa universiti, bahkan warga kampus untuk turut sama menyubur dan menyemarakkan lagi amalan budaya ilmu dalam menjelajah detik-detik kehidupan kampus.

Dalam semua tamadun, apatah lagi tamadun Islam, budaya ilmu menjadi teras kemajuan dan jati diri. Menerusi budaya ilmu, program dan aktiviti berkaitan ilmu seperti pendidikan, penggubalan dasar, atur cara majlis, gaya, cara hidup, dan sebagainya mestilah berteraskan kepada kefahaman dan martabat ilmu yang dianggap suatu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di semua peringkat. Budaya ilmu sama sekali tidak boleh terhad kepada usaha keilmuan yang dilakukan oleh segolongan kecil ahli masyarakat sahaja, apatah lagi sekiranya dibebankan hanya kepada golongan mahasiswa dan pensyarah dalam konteks pembinaan masyarakat berpendidikan tinggi di kampus. Namun begitu, disebabkan kuantiti ilmu itu tidak terbatas sifatnya, maka pengkhususan ilmu amat diperlukan berdasarkan kepada teras dan paksi yang sama untuk mewujudkan kesatuan ilmu, kerana hakikatnya sesuatu ilmu itu saling melengkapi antara satu dengan yang lain.

Ringkasnya, dalam sesebuah masyarakat ya: mendukung budaya ilmu yang subur dan mantap, ma:

tingkah laku masyarakat di seluruh peringkat dan lapisan – tanpa mengenal usia, kerjaya, harta, dan status sosial – akan berteraskan kepada pengajian dan penghayatan ilmu. Dengan demikian itu, kepentingan dan pertimbangan lain, apatah lagi jika pertimbangan tersebut berasaskan sentimen dan dimensi sempit kelompok politik, status sosial, percaturan ekonomi, sentimen kesukuan atau mazhab sama sekali tidak boleh menjadi asas paling utama dalam sistem nilai. Justeru, menerusi sistem nilai yang berteraskan budaya ilmu ini, maka akan terhasil keharmonian, barakah dan kesejahteraan kerana nilai kebenaran dan keadilan menjadi tonggak dan asas pembangunan masyarakat.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-taulan yang membantu sehingga terbit buku ini, terutamanya kepada editor buku ini, iaitu saudara Kassim Thukiman dan Khalid Mazlan. Saudara Kassim Thukiman telah menyediakan kerangka buku dan membantu mengumpul maklumat dan data, khususnya Bab 3. Saudara Khalid pula seorang editor yang tidak mengenal perbezaan siang dan malam ketika menyiapkan buku ini. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Ir. Mohd Azraai Kassim, Prof. Dr. Mohd. Tajudin Md. Ninggal, Prof. Dr. Marzuki Khalid, Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman, Prof. Dr. Salleh Abu, Prof. Madya Dr. Masputeriah Hamzah dan Ustaz Dr. Ismail Mustari. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada staf Pejabat Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Majlis Profesor dan Pejabat Naib Canselor yang bertungkus-lumus menyedia dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program berkaitan budaya ilmu di UTM. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada isteri Zainah Moktar dan anak-anak; Siti Fatimah, Aishah, Muhammad Arif dan Maryam yang sering kali mengingatkan penulis supaya terus berkarya. Kepada:

semua penulis panjatkan doa semoga segala amal, dedikasi dan komitmen diterima Yang Maha Mengetahui.

Perlu juga disebutkan bahawa penulis bukanlah individu yang paling layak membicarakan soal budaya ilmu, jika dilihat dari perspektif kefahaman dan latar belakang pendidikan. Jauh sekali jika dinilai dari sudut iltizam dan penghayatan. Namun demikian, penulis berusaha menyedia dan menerbitkan buku ini untuk cuba menjadi penuntut ilmu yang menghayati proses pembelajaran tidak formal menerusi pembacaan, wacana dan penulisan, sekali gus cuba berjinak-jinak dengan persoalan budaya ilmu. Pasti banyak kekurangan buku ini disebabkan kelemahan dan kejahilan penulis. Maka – selari dengan amalan budaya ilmu – diharap ada yang sudi tampil memberi teguran dan kritikan membina. Sesungguhnya kepada Yang Maha Mengetahui dipohon kemaafan dan doa: “Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau hukum kami, jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebaskan kepada kami, beban yang berat sebagaimana Engkau bebaskan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami, apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Berilah kemaafan kepada kami, ampunilah kami dan rahmatilah kami...” (Surah *al-Baqarah* 2: 284-286).

**ZAINI BIN UJANG**

Skudai

22 Jun 2009

# Kata Pengantar



Bidang pengajian tinggi semakin relevan selari dengan pembangunan negara yang semakin pesat. Kewujudan entiti Kementerian Pengajian Tinggi secara berasingan daripada Kementerian Pelajaran adalah merupakan suatu manifestasi yang menunjukkan keseriusan pihak kerajaan untuk memperkasa, memartabat dan seterusnya mengangkasakan pengajian tinggi negara. Hal ini sangat berkait rapat dengan kewujudan dan penubuhan 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan puluhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara.

Justeru, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif merangka dasar untuk memantapkan pengajian tinggi negara. Dasar ini diusahakan bertujuan untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan (*k-ekonomi*) dan pembentukan modal insan kelas pertama. Pihak kementerian mengambil langkah proaktif bagi memastikan bidang pengajian tinggi negara mencapai penanda aras dengan universiti terbilang di peringkat antarabangsa. Budaya ilmu di peringkat universiti perlu digembleng untuk membangunkan komuniti akademik yang cemerlang, kepimpinan universiti yang dinamik, dasar proaktif yang mesra ilmu, pembiayaan kewangan yang

mencukupi, pembangunan mahasiswa serta sistem penyampaian universiti yang efisien dan efektif.

Dalam konteks ini, saya amat menghargai inisiatif mantan Perdana Menteri, YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pada hemat saya, PSPTN adalah asas yang kukuh untuk melonjakkan dan mentransformasi pengajian tinggi negara. Selaku Menteri Pengajian Tinggi, saya komited untuk memastikan dasar pengajian tinggi negara direalisasikan dengan inisiatif melancarkan Pelan Transformasi Pengajian Tinggi Negara pada 13 Jun 2008.

Dalam pelan transformasi tersebut, saya memberi penekanan terhadap kualiti, daya saing dan inovasi kepada semua IPTA/IPTS menerusi tujuh teras strategik iaitu; (i) meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti, (ii) menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, (iii) memperteguh penyelidikan dan inovasi, (iv) memperkasa IPTA/IPTS, (v) mempergiatkan pengantarabangsaan, (vi) membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, dan (vii) mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi.

Pelan transformasi ini menggariskan faktor-faktor penunjuk kejayaan dalam meningkatkan semua aktiviti akademik di universiti. Ia meliputi usaha dan upaya untuk memastikan sistem tadbir urus yang cekap, berkesan dan telus yang menuju kepada autonomi, menyediakan sumber yang cukup dan infrastruktur yang baik. Dalam hal ini, saya amat menggalakkan agar universiti tempatan mengadakan kerjasama strategik sesama sendiri dan dengan universiti luar negara. Universiti perlu bergerak pantas untuk menangani pelbagai dimensi pelan transformasi, di samping mempertahankan aspek kualiti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab utama universiti.


Sehubungan dengan itu, saya amat menghargai sumbangan ilmiah Prof. Zaini Ujang kerana menghasil

penulisan buku berjudul *Menghayati Budaya Ilmu* ini. Saya berpendapat penerbitan buku mempunyai kaitan dengan hasrat yang tersurat dan tersirat dalam pemikiran penulis untuk turut sama berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalamannya dengan khalayak pembaca, khususnya staf dan mahasiswa universiti, untuk memperkasa dan memartabatkan budaya ilmu di kampus universiti. Saya berharap agar para pembaca meneliti dan menghayati kandungan buku ini agar kita juga terangsang untuk menyumbang kepada pembangunan pengajian tinggi negara. Kepada Prof. Zaini, saya ucapkan syabas dan tahniah!

**MOHAMED KHALED BIN NORDIN**

17 Julai 2009






# Kata Pengantar



Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Prof. Zaini kerana keberhasilannya mengarang buku ini. Ia adalah manifestasi budaya ilmu yang direalisasikan sendiri oleh pengarang. Saya ingin memulakan titipan kata pengantar ini dengan memetik pemikiran pengarang iaitu “graduan yang ideal ialah mereka yang memiliki kemahiran berfikir, keupayaan berhujah, kesantiaan berkomunikasi mengikut pelbagai dimensi dan perspektif, pencinta ilmu dan pemburu kebenaran, berperwatakan mulia dan mahir dalam pencarian ilmu. Dengan kemahiran ini, para graduan unversiti mampu mengharungi pelbagai situasi dan memasuki pasaran kerja dengan lebih selesa berbanding dengan graduan 'pasang siap' yang lebih menumpukan kepada beberapa kemahiran teknikal dan amalan profesional tertentu yang kadangkala lemah pula daripada segi kemahiran berfikir, berkomunikasi dan mesra ilmu” (Mengangkasa Pengajian Tinggi, 2009: xviii).

Saya amat bersetuju dengan idea dan pemikiran Prof. Zaini yang bernas untuk menggarap semula peranan dan tanggungjawab hakiki staf akademik dan pentadbiran universiti serta para mahasiswa untuk membudayakan ilmu seutuhnya. Universiti tidak boleh dipisahkan dengan ilmu. Jelasnya, kesemua aspek dalam kehidupan ini berakar umbi



daripada perkara yang paling asas iaitu ilmu. Seseorang yang berilmu berupaya mengukuhkan sahsiah peribadi dan memberi kesejahteraan kepada manusia dan alam sejagat.

Menurut Prof. Wan Mohd. Nor (1991), seseorang yang berilmu adalah lebih taat dan tinggi taqwanya kepada Allah SWT. Hal ini berpunca daripada kefahaman seseorang apabila mendalami tentang ilmu dan sumber-sumbernya, ia akan dapat mengukuhkan akidah umat Islam dan menunjangi keimanannya. Sesungguhnya benih ilmu yang telah membenihkan iman itu kemudiannya berakar dan menghasilkan tamadun Islam yang agung dan bersifat sejagat.

Justeru itu, semua staf akademik dan para mahasiswa perlu memahami kepentingan budaya ilmu untuk membangunkan sesebuah universiti. Pembinaan budaya ilmu yang bersepadu dan jitu merupakan prasyarat awal dan terpenting bagi kejayaan, kekuatan dan kebahagiaan seseorang dan sesuatu bangsa. Para mahasiswa perlu menggunakan peluang dan ruang pembelajaran di kampus untuk memperkasa budaya ilmu. Natijahnya para mahasiswa nanti akan muncul sebagai graduan yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan menyokong apa sahaja usaha untuk menyemarakkan program budaya ilmu di semua kampus. Oleh yang demikian, saya berharap agar semua staf dan para mahasiswa turut mengambil bahagian untuk menghayati dan memperkasakan budaya ilmu.

**SAIFUDDIN BIN ABDULLAH**

17 Julai 2009

# 1

## Pendahuluan

Sarjana dan ahli sejarah Amerika, Washington Irving (1783–1859), pernah berkata bahawa “minda besar mempunyai matlamat, minda kecil hanya berangan-angan.” Penulis terkenal Charles Henry Parkhurst (1842–1933) pula mengatakan bahawa “matlamat memberi makna kepada kehidupan.” Bagi beliau, matlamat menentukan arah dan kaedah untuk mencapai sesuatu kejayaan walau dalam apa bidang kehidupan sekalipun. Nabi Muhammad s.a.w (570–632 Masehi) bersabda bahawa “sesuatu amalan itu bergantung kepada niat atau tujuan” (Riwayat Bukhari dan Muslim). Jika niat tersebut baik, maka besarlah manfaat dan ganjarannya bukan sahaja dalam kehidupan dunia, bahkan pada hari akhirat.

Dengan kata lain, setiap sesuatu yang dilakukan perlu mempunyai tujuan, asas dan perancangan yang jelas. Sehubungan itu, sebelum menjejakkan kaki ke kampus, anda telah atau sepatutnya telah menjawab sekurang-kurangnya tiga soalan penting dalam hidup anda, iaitu:

- (i) Apakah matlamat dan cara untuk mengisi masa selepas menamatkan pengajian di peringkat prauniversiti?

- (ii) Apakah universiti pilihan sesuai dengan kelayakan dan kerjaya yang anda idamkan?
- (iii) Apakah makna universiti dalam hidup anda?

Soalan pertama berkaitan dengan *matlamat dan perancangan jangka pendek* selepas menamatkan pengajian prauniversiti. Berada di kampus sebagai seorang mahasiswa bermakna anda telah membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi. Dengan kata lain, matlamat anda ialah menimba ilmu pengetahuan sebagai bekalan mempersiapkan diri menghadapi masa depan menggunakan ilmu pengetahuan, cara kerja dan kepakaran. Anda juga sebenarnya telah membuat keputusan untuk menjadi diri anda sebahagian daripada komuniti intelektual, golongan sarjana dan ilmuwan.

Cuba lihat persekitaran dan fahami realiti. Anda sebenarnya tergolong dalam kelompok kalangan individu yang bertuah, istimewa dan terpilih! Ada antara kalangan rakan anda tidak memilih untuk meneruskan pengajian ke peringkat universiti, sebaliknya menceburi bidang kerjaya, atau melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Kenyataannya, ramai dalam kalangan rakan sebaya anda yang tidak mendapat keputusan cemerlang sehingga menyebabkan mereka gagal mendapat tempat pengajian di institusi ilmu bertaraf universiti. Ada juga yang mengambil keputusan untuk berumahtangga dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Bahkan ada juga yang belum membuat keputusan lagi tentang perancangan mereka, barangkali disebabkan pelbagai masalah dan persoalan hidup yang dihadapi.

Soalan kedua berkaitan dengan *kualiti dan jenama* yang anda pilih. Mendaftar sebagai mahasiswa di kampus bermakna anda telah memilih untuk melanjutkan pengajian di salah sebuah universiti di Malaysia. Anda juga mem

untuk melanjutkan pengajian dalam bidang khusus sesuai dengan kelayakan dan minat kerjaya anda. Anda maklum bahawa universiti di Malaysia tersenarai dalam kalangan universiti terkemuka bagi pelbagai bidang keilmuan peringkat antarabangsa. Penulis penuh yakin dan percaya bahawa anda juga membuat keputusan tersebut kerana maklum tentang keberhasilan universiti tempatan melahirkan para graduan yang telah berjaya menempa nama dalam kerjaya masing-masing sama ada sebagai peneraju korporat, ahli profesional, tokoh akademik, ahli siasah, pendidik dan negarawan.

Soalan ketiga berkaitan dengan *matlamat hidup* anda. Universiti berperanan untuk menyediakan diri anda dengan asas ilmu dan kemahiran pada peringkat tinggi. Universiti adalah wadah yang menyediakan ramuan untuk membolehkan anda berjaya dalam pelbagai lapangan hidup. Universiti dibangunkan berasaskan kepada tradisi ilmu untuk membolehkan mahasiswa dan seluruh warganya menghayati cara hidup ilmuwan. Tradisi ilmu lebih luas pengertiannya berbanding sekadar ilmu pengetahuan, atau kemahiran dalam sesuatu bidang kerjaya. *Tradisi* membawa maksud suatu perjalanan sejarah yang telah dimula dan dikembangkan sejak zaman berzaman yang dihayati oleh para cendekiawan dan penuntut ilmu. Berada di kampus bermakna anda telah bersetuju untuk menghayati tradisi ilmu gemilang sebagaimana yang pernah dilalui Imam Shafie, Ibn Khaldun, Ibn Sina, Galileo Galilie, Leonardo da Vinci, Al-Khawarizmi, Charles Darwin, Albert Einstein, Raja Ali Haji, Munshi Abdullah, Za'ba, Stephen Hawking dan seumpamanya. Tradisi ilmu tersebut tidak zahir sifatnya, tetapi terserlah dalam masyarakat kampus daripada segi kecintaan kepada ilmu, penghormatan kepada ilmuwan, keghairahan kepada bahan ilmu dan keluhuran adab dan tata cara.

## Kepentingan Ilmu

Tidak ada seorang manusia waras yang menafikan kepentingan ilmu walau apa pun latar belakang pendidikan, agama, budaya dan bangsanya. Ilmu adalah asas kemajuan diri dan bangsa. Ilmu juga adalah penyuluh hidup dan penerang zaman. Malah penguasaan ilmu adalah kaedah untuk maju dalam segala bidang, sesuai dengan cogan kata Universiti Malaya misalnya, “ilmu punca kemajuan”!

Persoalannya ialah apakah kaedah untuk memperoleh dan menghayati ilmu? Kaedah biasa untuk mendapatkan ilmu pengetahuan ialah *belajar* di institusi ilmu dari peringkat sekolah hingga universiti. Belajar bermakna mengikuti proses pembenihan ilmu di dalam diri seseorang pelajar menerusi perantaraan guru yang dikendalikan di dalam sesebuah institusi ilmu. Dalam konteks universiti, *pelajar* dikenali sebagai *mahasiswa*, dan *guru* ialah *pensyarah*. Universiti yang terkemuka mempunyai kaedah dan amalan tertentu dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Kaedah dan amalan tersebut dikembangkan dari semasa ke semasa selari dengan kematangan dan kemandapan ilmu dalam kalangan para pensyarahnya. Pensyarah yang matang daripada segi ilmu dikenali sebagai *profesor* yang bertugas bukan sahaja mengajar, bahkan lebih daripada itu mendalami sesuatu disiplin ilmu secara khusus menerusi aktiviti penyelidikan yang kemudian dikembangkan menerusi penulisan dan perbahasan ilmiah atau wacana. Semakin tinggi tahap pencapaian ilmunya, maka semakin mendalam, tajam dan kritis perbahasannya menggunakan pelbagai kaedah ilmiah. Demikian juga mahasiswa bermula dengan pengajian peringkat ijazah sarjana muda, disusuli ijazah sarjana dan kedoktoran. Pada peringkat lebih tinggi, ramai juga ya belajar di universiti ketika ini pada peringkat pasc

kedoktoran.

Demikian beberapa persoalan asas dan kisah teladan sebagai permulaan bicara buku ini. Hal ini amat perlu difahami oleh semua mahasiswa bahawa *menuntut ilmu adalah merupakan suatu tanggungjawab yang berkaitan dengan matlamat dan arah tuju kehidupan*. Tanggungjawab memberi pelbagai implikasi dari segi komitmen, penghayatan dan nilai sepanjang berada di kampus, dan selepas menamatkan pengajian formal nanti. Sesuatu tanggungjawab juga berkait rapat dengan sumbangan kepada kemajuan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara. Sehubungan itu, mahasiswa juga perlu memahami betapa menuntut ilmu merupakan suatu proses berterusan yang membolehkan pembenihan ilmu di dalam diri berlaku dengan sebaik-baiknya. Proses tersebut tidak sukar jika difahami, diberi penilaian sewajarnya dan dihayati dengan penuh komitmen. Kata pepatah Melayu, "alah bisa tenggal biasa!"

Dalam konteks ini, ada tiga pihak yang saling memerlukan antara satu sama lain, iaitu mahasiswa sebagai penuntut, ibu bapa sebagai pemegang amanah dan pensyarah sebagai pembimbing dan



**Ibn Sina** (Abu Ali al-Hussain Ibn Abdallah Ibn Sina, juga dikenali sebagai *Avicenna*) dilahirkan di Bukhara, Uzbekistan pada tahun 980 Masihi dan meninggal dunia di Hamedan, Iran pada tahun 1037 Masihi. Beliau dikenali sebagai ahli matematik, fizik, falsafah, astronomi, kimia, geologi, ilmu logik, psikologi dan pendidikan. Beliau menghasilkan banyak buku dalam pelbagai bidang ilmu. Buku beliau yang terkenal ialah *Qanun fi al-Tibb* (Ensiklopedia Perubatan). Ibn Sina dinobatkan sebagai pengasas Perubatan Moden dan Farmasi Klinikal.

pendidik. Masyarakat juga turut berperanan kerana mereka turut memainkan peranan penting yang menyumbang kepada kemajuan pendidikan. Sesebuah kelompok masyarakat tidak akan mengecapi dan menikmati apa jua kemajuan dan pencapaian sekiranya masyarakat itu tidak mementingkan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Hakikatnya, proses pendidikan menuntut kerjasama daripada pelbagai pihak untuk melaksana dan membangunkannya.

Dengan ilmu, manusia mampu mengurus kehidupan dengan sistematik dan teratur, dari peringkat pengurusan dan pembangunan diri, keluarga, masyarakat, negara dan seterusnya hinggalah ke peringkat warga dunia. Hal seperti ini tidak datang dengan sendirinya, melainkan manusia yang berilmu diberi tanggungjawab dengan peranan utama untuk merancang dan mengurus pembangunan kemanusiaan daripada segi agama dan kepercayaan, politik dan pentadbiran, perniagaan dan perdagangan, manusia dan masyarakat, pendidikan dan sebagainya. Bayangkanlah betapa di sesetengah negara di Afrika dan Asia rakyatnya sentiasa diselubungi kesengsaraan akibat kemelut kemiskinan dan kemunduran. Pemimpin yang berkuasa pula lebih mengutamakan kepentingan peribadi dan kelompok daripada kepentingan rakyat keseluruhannya. Bagi mereka kuasa perlu diperteguh menerusi kuasa dan persenjataan bukannya penguasaan ilmu. Itulah antara sebabnya bidang pendidikan dipinggirkan kerana tidak mendapat keutamaan dalam skema

**Pesan Pendeta kepada Guru**  
 Seorang pendeta berpesan kepada guru anaknya: Jangan engkau pindahkan dia dari suatu ilmu kepada suatu ilmu yang lain, sehingga dia benar-benar menguasai ilmu yang pertama dahulu, sebab percampur-adukkan ilmu dengan melimpah-rut pada pendengarnya menyukarkan kefahaman.

kuasa dan pengaruh setempat. Rakyat tidak dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi.

Akibatnya berlakulah fenomena kemiskinan harta dan upaya, kemelaratan hidup dan kemusnahan harapan. Hidup masyarakat tidak terbela dan melarat. Barangkali hati kita akan terusik apabila menonton liputan berita dunia menerusi Internet, kaca televisyen atau menerusi pembacaan daripada sumber media massa. Pemaparan tentang kemiskinan yang dilalui oleh sesetengah masyarakat menjadikan kehidupan anggota masyarakat tersebut tidak terbela dan terurus, kanak-kanak diwarnai dengan penyakit dan kebuluran, kehidupan dirundung dengan kedaifan, penularan wabak penyakit tidak

#### **Nasihat Khalifah kepada Guru Anaknya**

Ibnu Khaldun telah meriwayatkan di dalam bukunya berjudul *Mukadimmah* tentang Khalifah Harun Ar-Rasyid, apabila menyerahkan anaknya bernama Al-Amin kepada pendidiknya, beliau berkata: Wahai Ahmar! Sesungguhnya Amirul Mukminin telah menyerahkan kepadamu buah hatinya, maka letakkan tanganmu ke atasnya dengan lemah-lembut, dan ketaatanmu kepadanya wajib, letakkanlah dirimu kepadanya, seperti engkau meletakkan dirimu kepada Amirul Mukminin. Ajarkanlah dia membaca al-Qur'an, dan kenalkanlah dia dengan sejarah, dan pupukkanlah dia dengan syair-syair, penuhkanlah dadanya dengan hadis-hadis nabi, tunjukilah dia cara-cara bertutur dan permulaannya, jarangkanlah dia dari ketawa melainkan pada waktunya, dan jangan sampai berlalu satu saat pun melainkan engkau asakkanlah dia dengan perkara-perkara yang berfaedah tanpa menyusahkannya, kelak akan mati pula otaknya, dan janganlah terlalu beringan-ringan untuk memberinya masa lapang, kelak dia akan merasa sedap dan sentiasa ingin berlapang-lapang masa, dan luruskanlah dia sekadar yang termampu dengan mendekati diri kepadanya, dan dengan berlemah-lembut, tetapi jika dia menolak sikap ini, maka hendaklah engkau mengambil sikap yang keras dan kasar.

"Saya amat bersetuju dengan idea dan pemikiran Prof. Zaini yang bernas untuk menggarap semula peranan dan tanggungjawab hakiki staf akademik dan pentadbiran universiti serta para mahasiswa untuk membudayakan ilmu seutuhnya."

**Dato' Saifuddin Abdullah**

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

"Karya penting Prof. Zaini ini perlu dibincang agar difahami sebaiknya dan dihayati oleh warga kampus, sebagai teras utama kejayaan dan kesejahteraan bermakna bagi diri dan masyarakat."

**Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud**

Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Sebuah karya yang berjaya mengupas betapa pentingnya warga kampus dari peringkat kepimpinan atas hinggalah kalangan mahasiswa menghayati budaya ilmu menerusi memahami, mengamal dan menjadikannya panduan. Dengan penghayatan sedemikian mampu mewujudkan senario kehidupan kampus diwarnai dengan suasana yang harmoni, barakah dan kesejahteraan."

**Prof. Dr. Mohd Tajuddin Md. Ninggal**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Teknologi Malaysia



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit  
UTM Press

ISBN 978-983-52-0712-9



9 789835 207129



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA